



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

Suarad SadoK



JABATAN MUZIUM SARAWAK

MUZIUM WARISAN BETONG
KUBU LILI



Edisi Keempat

SUARA SADOK

Edisi Keempat, 2022

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak
e ISSN: 2735-1793

<https://www.pmbs.edu.my/v3/index.php/muat-turun/penerbitan/category/22-e-bulletin?download=124:suara-sadok-edisi-ke-4>

Diterbitkan oleh:

Politeknik METrO Betong Sarawak

1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong
Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak

2022

JULAI -
DISEMBER

ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah

Dari Meja Redaksi

Kubu Lili
Sempama Jaku Iban

Pencapaian PMBS

Pengukuhan Siswa

Kegiatan Institusi

PMBS dan Komuniti

Ensera Iban



PERUTUSAN PENGARAH POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan rasa syukur saya ke hadrat ilahi atas limpah dan kurnia-Nya, Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) sekali lagi mampu menghasilkan dan menerbitkan E-Buletin Suara Sadok edisi ke-4. Namun perkara ini tidak akan dapat direalisasikan jika tiada wujudnya kerjasama yang baik daripada ahli jawatankuasa yang telah dilantik bagi tahun 2022 ini.



Suara Sadok dihasilkan bagi membukukan segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PMBS sepanjang tahun. Justeru, saya menyokong agar penerbitan seperti ini diperbanyakkan lagi tanpa mengabaikan fokus utama para pendidik di politeknik ini dalam mendidik anak bangsa ke arah masa depan yang lebih bermakna.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada ahli jawatankuasa yang telah bekerja keras dalam mengekalkan kualiti penerbitan ini. Komitmen anda semua telah membuahkan hasil melalui penerbitan e-buletin ini yang boleh menjadi dokumentasi aktiviti dan pencapaian institusi, staf serta pelajar PMBS. Semoga Suara Sadok ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada semua pembaca.

**ENCIK SUHAILI BIN ALEH
PENGARAH
POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK**

DARI MEJA REDAKSI



Suara Sadok Edisi 4 merupakan bitara yang akan menjadi memorabilia kepada kita sebagai rujukan dan bacaan untuk semua

PUAN SITI SYUHAILA BINTI ZAHARI
PENASIHAT

Pahit manis, suka dan duka sepanjang 2022 ada di Suara Sadok Edisi 4 ini. Apa yang kita kecapai hari ini adalah bekalan dan panduan untuk kita mengharungi cabaran yang mendatang



PUAN CLARINA REHAT
EDITOR 1



Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana atas berkat dan rahmat-Nya, kami dapat menerbitkan Suara Sadok untuk para pembaca yang budiman

ENCIK BUDI BIN SYARIPUDDIN
EDITOR 2

Terima kasih ngagai semua ka sukung bala ba sidang tu udah sama begempung nyiapka Suara Sadok Edisi 4 .
"Dara Imun likun pendiau tuchum nyingkum semampai di galau nyadi ke tengau malam terang. Dara Samban pandai nyumanka litan ati orang. "



PUAN EVELYN FRANKLING TEGIK
TERBITAN DAN EDARAN



Masa berlalu pergi, namun buletin ini menjadi tatapan warga PMBS untuk setiap aktiviti dan kejayaan pada tahun 2022

CIK AREN LAH KEBING
REKA SENI GRAFIK

KUBU LILI

Uchu Unggang ke benama Bunyau apai Bakir seduai Maoh nya tuai Iban ili Layar ti terubah nundukka perintah Raja James Brooke. Iya nulung Raja James Brooke ngaga Kubu Lili di Betong dalam taun 1858, kena perintah ngering diri ngelaban Aji anak OKP (Orang Kaya Pemancha) Dana "Bayang" di Padeh enggau Ulu Layar.



Kubu Lili diambi nama ari bini kedua Raja James Brooke kedua ia nya Rane Margaret. Suba Kubu tu mega kala dikena nyadi opis perintah enggau balai polis. Kubu Lili amat unik laban digaga ari kayu tebelian enggau atap ia digaga ari daun apong.

Kubu tu diatu beumur 165 taun .Taun 2019, kubu tu udah digaga Opis Muzium Sarawak manah nengah Program Ngintu enggau Ngibun Kubu Sejarah. Perintah menua ngarapka enggau pengawa tu ulih nyaup Kubu Lili dikelala

Sumber: Gilbert Anyai (2011). Mimpi Unggang Bensumbar "Lebur Menoa. Dipetik daripada <http://enseraenggauchertaiban.blogspot.com/2011/09/mimpi-unggang-bensumbar-lebur-menoa.html>



Pengawa serah tapak enggau pengawa miring Kubu Lili

SEMPAMA JAKU IBAN OLEH PUAN EVELYN FRANKLING TEGIK

1. Baka timau jampat medah .
RETI : Enda liat ngereja pengawa, jampat leju
2. Raung ke beketebung pama bengkak jari, tichak ke beranak engkarung beadi-adi
RETI : Orang ke ngereja pengawa tang kitai ke napi pemedis enggau pengiruh.
3. Baka sawa ti natka telan
RETI : Gali gadak-gadak natka pengenyang perut udah badu makai.
4. Buah empelam buah empelit, masam di dalam manis di kulit.
RETI: Gamal tauka gaya manah dipeda tang ati iya jai enggau orang.
5. Nibar ka jala enda betating
RETI: Mansutka jaku enda berunding dulu
6. Duruk bubut enggau ruai.
RETI: Beduruk tauka ngereja pengawa ke enda setipak enggau enggi pangan diri
7. Mansai sungai ngena tapa, nebang tapang ngena lungga
RETI : Deka ngereja pengawa ke temu enda ulih tangkup
8. Runggu ensing enti terebai apus ga sungai
RETI: Gamal dipeda lembau tang enti iya ngereja pengawa tembu enggau manah.
9. Mang ari kepayang rendam sepagi, munuh ari ipuh ujung jenggi, nyaing ari puting mata geraji.
RETI: Orang ke ngembuan penemu, pemerani tauka pengering ke jauh lebih nyulut ari orang bukai
10. Baka rutan tampung danan, baka ijuk tampung penduk, bakawi tampung tali
RETI : Parai orang ke tuai lalu ditampung orang ke rebak dudi.



PENCAPAIAN PMBS

Majlis Konvokesyen PMBS ke - 6 | 5 SEPTEMBER 2022

Terima kasih diucapkan kepada YB Dato' Gerald Rentap Jabu DUN N36 Layar kerana sudi meluangkan masa bersama kami di majlis Konvokesyen PMBS ke-6 yang telah berlangsung di Hotel Seri Simanggang pada 5 September 2022 tahniah kepada semua pelajar yang telah bergraduasi pada hari tersebut.



'Tawar Kursus Penuhi Keperluan Sarawak'

Tawar kursus penuhi keperluan Sarawak

Saya berpandangan PMBS antara institusi pendidikan yang penting sesuai posisinya dalam membangun dan melengkapkan keperluan modal insan dan tenaga kerja pada masa akan datang."



SIMPANGANG: Politeknik Metro Belong Sarawak (PMBS) mempunyai posisi penting kepada Kerajaan Sarawak dalam membangun dan melengkapkan modal insan serta tenaga kerja di peringkat nasional pada masa akan datang.

Terdahlan Menteri Belfa, Sykan dan Pembangunan Usahawan Datuk Gerald Rempap Jabu berkata, ini berdasarkan pertumbuhan ekonomi Sarawak yang dilihat amat mempromosikan, sekali gus selari dengan sasaran untuk mengasah negeri berpendapatan tinggi menjelang 2030.

"Secara tidak langsung ini merupakan peluang baik kepada PMBS untuk menawarkan kursus-kursus yang lebih menarik pada masa akan datang bagi keperluan Sarawak khususnya dan negara lainnya.

"Saya berpandangan PMBS antara institusi pendidikan yang penting, sesuai posisinya dalam membangun dan melengkapkan keperluan modal insan dan tenaga kerja pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian mewakili Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Douglas Uggah Embas merasmikan Majlis Konvokesyen Keenam PMBS 2022 di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau gembira untuk mewujudkan hubungan lebih bermakna antara PMBS dengan Kerajaan Sarawak serta pemain industri bagi menyumbangkan kepada kegemilangan akademik di PMBS memalui perkongsian strategik yang boleh menguntungkan semua pihak.

"Saya yakin, jika PMBS mampu



TAHNIHAL, Beberapa pelajar PMBS yang diarak pada Majlis Konvokesyen Keenam PMBS 2022.

menawarkan kapakanan ahli-ahli akademik kepada ketiga-tiga pemegang tanah ini, ia akan menjadi pertolongan kepada pembangunan yang lebih mantap kelak.

"Di pihak kerajaan, saya amat berharap PMBS akan terus memainkan peranan secara lebih dinamik dan proaktif dalam perkembangan pengajian tinggi di Sarawak. Masih banyak ruang bagi PMBS untuk terus meluaskan sayap," ujarnya.

Sempena ulang tahun ke-60 PMBS tahun ini, beliau mengukir institusi tersebut berjaya membuktikan perannya yang sangat signifikan dalam pembangunan Sarawak dengan penghasilan tenaga kerja kejuruteraan profesional dalam bidang kewangan, perbankan dan pelancongan.

Secara tidak langsung tambahnya, memberi gambaran bahawa PMBS turut berupaya memenuhi keperluan para pemututnya untuk menyijakkan diri.



TERUSKAN USAHA, Gerald Rempap menyerahkan diploma kepada salah seorang yang diarak pada Majlis Konvokesyen Keenam PMBS 2022.

meneka dalam pasaran pekerjaan dan juga cabaran masa depan.

Pada majlis konvokesyen kali ini, seramai 56 pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan serta Diploma Pengurusan Pelancongan diarak.

Priscilla Dayang Jack (Diploma Kewangan dan Perbankan, sesi Disember 2020) dan Edna Hanz Edmond (Diploma Pengurusan Pelancongan, sesi satu 2021/2022) diarak sebagai penerima.

Anugerah sementara

Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum dianugerahkan kepada Priscilla Dayang Jack dan Nurul Haniq Handi dari Jabatan Perdagangan. Sementara dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti pula adilah Mohamed Hafiz Awan Hambari dan Edna Hanz Edmond.

Anugerah Projek Terbaik (Inovasi) diberikan kepada kumpulan Ferigilantik Jari yang terdiri daripada Doris Nula Rambe, Mohamed Hafiz Awan Hambari dan Marcellyn Caye David (sesi Disember 2020).

Manakala bagi sesi satu 2021/2022 anugerah sama diberikan kepada Edna Hanz Edmond, Nur Ahsanul Izzah dan Mary Shelly Collin.

Majlis konvokesyen ini turut menyaksikan penganugerahan Sanjungan Buih kepada penerima pertama PMBS, Mohamed Isa Azhar, berdasarkan rekod PMBS sendiri, kadar kebolehpasaran pelajar PMBS pada tahun lalu mencapai 97.8 peratus iaitu meningkat dari tahun

sebelumnya 95.4 peratus.

Pada majlis sama, dikongsikan pencapaian dan kejayaan cemerlang sepanjang dua tahun kebelakangan seperti kejayaan mendapatkan Akreditasi Penuh (MQA02) pada 3 November 2021 dan Audit Pematuhan (MQA04) untuk kedua-dua program yang selaras 13 Oktober 2021.

Selain itu, PMBS telah memperbaharui pensijilan Eksekutif Kerdul Sektor Asam (EKSA) daripada pihak Unit Pemodenan Tadris dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampt) pada Disember tahun lepas dan berjaya memenuhi keperluan kriteria komponen dengan skor cemerlang.

Unit Pengantarabawahan PMBS pula menyertai Southeast Asian Ministers of Education Organization Technical and Vocational Education and Training (SEAMEO TVET), yang merupakan program pertukaran pelajar TVET peringkat Asia Tenggara.

Dua pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan dibawaskan di Gurnee State University of Philippine (GSU), manakala dua pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan pula di Universitas Islam Indonesia (UII).

Antara pencapaian lain, PMBS mencapai 100 peratus skor pencapaian penguji prestasi utama (KPI) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bagi 2021.

Manakala aspek latihan industri mencapai tahap cemerlang, 100 peratus graduan lulus pada kedua-dua sesi lepas.

Pengerusi Politeknik Kuching Hikmatullah Ahmad Khan mewakili Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Ts Zaid Ahmad, Pengerusi Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri PMBS Abdul Hadi Dahuk Abdul Kadir, Residen Bahagian Belong Richard Michael Abunawar dan Pengerusi PMBS Suhaili Aish turut hadir.



IBU AYAH, Antara pelajar yang tidak melepaskan peluang bergambar bersama-sama ibu bapa masing-masing pada majlis tersebut.

PRESTASI KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) TAHUN 2022



Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada seluruh warga PMBS di atas usaha dan kerjasama yang diberikan bagi membolehkan PMBS memperoleh prestasi cemerlang bagi KPI Tahun 2022.

Semoga tuaian 2023 akan lebih baik hasilnya dari tahun lepas dan PMBS mampu melakar kejayaan yang signifikan dengan pendidikan TVET.

PENGLIBATAN POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) DI DALAM eDola-X 2022

PMBS telah menghantar bahan-bahan untuk dipertandingkan ke eDola-X 2022. Video-video dan bahan bacaan boleh ditonton dan diakses melalui pautan yang disediakan di bawah:



YOUTUBE.COM

Communicative English 3 (DUE50032) PMBS - Self-Introduction

This video is made for eDola 2022 by UIDM PMBS. A short lesson on one particular aspect in s...

Terima kasih diucapkan kepada staf yang melibatkan diri di dalam penghasilan dan penerbitan video dan buku elektronik, iaitu Puan Norfaireza binti Akil, Encik Muhamad Qastari Syamim bin Abdullah, Encik Larnerdo French Udin, Encik Patrick Jopris Aro, Puan Norazimah binti Mejri dan juga Puan Aren Lah Kebing.

Pautan



Video PdP

https://youtu.be/202_xuOnojc



Video Pelaporan

<https://youtu.be/1Axwnr5lcdk>



E-Book

https://drive.google.com/.../1Hru5CS1CfRwE_9sJpKi1EF...

BETONG RUN HALF MARATHON 21 KM (BR21KM) SEMPENA HARI SARAWAK | 22 JULAI 2022

Politeknik METrO Betong Sarawak, Kolej Komuniti Betong dan Maktab Rendah Sains Mara Betong telah berjaya menganjurkan Betong Run Half Marathon (BR21KM) sempena hari Sarawak pada 22 Julai 2022.

Seramai 36 orang peserta telah mengikuti aktiviti larian ini dan *flag off* bermula seawal jam 5.00 pagi. Terima kasih diucapkan kepada YB Dato' Gerald Rentap Jabu diatas sokongan dan sumbangan beliau dan sekalung penghargaan juga diberikan kepada penaja iaitu Seng Fung Sports Centre, Medan Supermarket & Department Store, Central Enterprise serta CE&C Enterprise Sdn Bhd kerana telah bersama-sama menjayakan aktiviti ini.

Syabas dan tahniah kepada para peserta yang telah mencatat rekod seperti berikut:

Hazarullah Bin Safri - 1:19:19

Andy Yeo Jia Wei - 1:25:11

Henry Walsted Anak Sinem - 1:26:22

Abang Mohd Zaini Bin Sharif - 1:26:30

Wong Chin Chai - 1:27:25

Si Yong Tong - 1:34:20

Jeremy Yeo - 1:34:53

Sia Yee Fong - 1:36:22

Zaidi Bin Wasli - 1:47:45

Larry Mergie Ank Jesse - 1:53:53



PMBS, KKB dan MRSM Betong jayakan penganjuran Betong Run Half Marathon

BETONG - Kejayaan penganjuran Betong Run Half Marathon (BR21KM) adalah hasil kolaborasi semua golongan tiga institusi yang bekerjasama sebagai sambutan Hari Sarawak baru-baru ini.

Pengarah Program, Andrew Douglas Gadan berkata kerjasama Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), Kolej Komuniti Betong (KKB) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Betong telah berjaya mengedukasi tentang penganjuran setelah sekian lama tidak dapat mengedukasi aktiviti sempenanya.

"Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya aktiviti sukan dalam meningkatkan kesihatan badan mereka," katanya.

Pengarah KKB ini turut memuji aktiviti ini mendapat sokongan penuh daripada Timbalan Menteri



UNTUK KENANGAN: Suhalil bergambar bersama pemenang pada program tersebut.

Belia Sukan dan Pembangunan Usahawan Dato Gerald Rentap Jabu yang telah menerima sumbangan bagi menyokongnya.

"Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato Gerald atas sumbangan beliau kepada pihak kami dan tidak lupa juga kepada penaja aktiviti ini."

Lepas itu, BR21KM diadakan di poltarangan PMBS pada jam 5 pagi dan Huzairah Sufi telah diumumkan sebagai

CE&C Enterprise Sdn Bhd," katanya.

BR21KM dibuka kepada beberapa kategori iaitu Terbuka Keseluruhan, Terbuka Lelaki (44 tahun ke bawah), Lelaki Veteran (45 tahun ke atas), Terbuka Wanita (39 tahun ke bawah) dan Wanita Veteran (40 ke atas).

Lepas itu, BR21KM diadakan di poltarangan PMBS pada jam 5 pagi dan Huzairah Sufi telah diumumkan sebagai

Johan bagi kategori terbuka keseluruhan dengan catatan masa 1 jam 19 minit 19 saat dan membawa pulang wang tunai RM300.

Mendaki naib ihsan disamping Andy Yeo Jia Wei dan tempat ketiga Henry Walsted Anak Sinem masing-masing membawa pulang wang tunai RM150 dan RM100.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan Pengarah PMBS Suhalil Alih.



Saudari Valerie Juan, Pelajar Semester 1 DUP Politeknik Metro Betong Sarawak kerana terpilih mewakili Pasukan Ragbi 7s Wanita Sarawak ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung di Kuala Lumpur 2022 dari 16-24 September 2022.





Syabas kepada pelajar PMBS, Saudari Valerie Juan, pelajar Semester 1 Jurusan diploma Pengurusan Pelancongan diatas pemilihan ini.

BUNGARAYA 7s WOMENS SELECTION LIST FOR ASIA RUGBY SEVEN SERIES 2022

TEAM MANAGEMENT

Team Caretaker

Fahmy Jalil

Team Manager

Hazel Jaafar

Team Head Coach

Siddiq Jalil

Team Coach

Akmal Manaf

Team Physio

Chong Su Zzen

1	Afiyah binti Fauzi	15	Norfarahana binti Aziz
2	Aguzta Epiphany Kissol	16	Nur Syazana binti Muhamad Zahir
3	Aisyahtulfitriah binti Mohd Hasbi	17	Nur Syazwana binti Md Fauzi
4	Amber Bernard	18	Nurul Azreen binti Azli
5	Chrestiyanti binti Paunil	19	Rozliana binti Mohd Ridwan
6	Dayang anak Manggle	20	Shania Sulnani Baduk
7	Dinah Syafiqah binti Sadali	21	Wan Noor Shafiqah binti Mohd Radza
8	Divine Juvinol @ Walter Joimil	22	Marytheresa Raj Thevaraj
9	Henrietta David	23	Valerie anak Juan
10	Jannie Peter	24	Christina binti Edris
11	Josie Mavcellin anak Gone	25	Dhaniyah Nur Amirah binti Azharshah
12	Juanna Sari Petrus	26	Nurfatehah Syahmi binti Sanusi
13	Kajolin Jenisin	27	Fatin Fazira binti Rozaldi
14	Najwa binti Mohamad Nazri		

Malaysia Rugby

malaysiarugbyofficial

MalaysiaRugby

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

DAFTAR SEKARANG!

12 OKTOBER 2022

BORNEO INNOVATION FESTIVAL 2022

PERINGKAT KEBANGSAAN
Anjuran Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS)

EMPOWER YOUR CREATIVITY

Yuran Penyertaan: RM 150

25 April 2022 - 25 Julai 2022
Pendaftaran, Pembayaran Yuran, Abstrak & Poster Inovasi

1 Ogos 2022 - 15 Ogos 2022
Muat Naik Video Inovasi

12 September 2022 - 23 September 2022
Penilaian Juri & Sesi Pitching (Secara dalam talian)

12 Oktober 2022
Majlis Perasmian Penutupan & Pengumuman Keputusan (Hybrid)

Kategori Pertandingan

- Kategori 1:** Pembinaan dan Bahan / Mesin / Peralatan
- Kategori 2:** ICT & Multimedia
- Kategori 3:** Elektrik, Elektronik & Telekomunikasi
- Kategori 4:** Produk Hijau / Pertanian / Alam Sekitar / Tenaga Boleh Diperbaharui
- Kategori 5:** Pengajaran & Pembelajaran
- Kategori 6:** Rekabentuk Kreatif & Warisan
- Kategori 7:** Makanan & Minuman

HADIAH / ANUGERAH
Medal EMAS / PERAK / GANGSA + SIJIL

Pemenang Terbaik Bagi Setiap Kategori: RM 200 + Sijil + Plak

Anugerah Pitching Terbaik: RM 100 + Sijil + Plak

Anugerah Video Terbaik: RM 100 + Sijil + Plak

Anugerah Poster Terbaik: RM 100 + Sijil + Plak

Anugerah Inovasi Terbaik: RM 300 + Sijil + Plak

Anugerah Inovasi Muda: RM 300 + Sijil + Plak (Kategori Pelajar Institusi)

Anugerah Inovasi Muda: RM 300 + Sijil + Plak (Kategori Pelajar sekolah)

Anugerah Khas Juri: RM 500 + Sijil + Plak

Scan untuk pendaftaran
Link: bit.ly/3EYRfG6

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi urusetia:
Emirudziawati (0168972612)
Liew Jan Fui (0168315315)
Emilyn (0145904153)

BIF'22

Borneo Innovation Festival 2022

Empower Your Creativity

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

BORNEO INNOVATION FESTIVAL 2022

"EMPOWER YOUR CREATIVITY"

PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

12 OKTOBER 2022 • 10.00 PAGI

Disempurnakan oleh
YBhg. Ts. Zainab binti Ahmad

SCAN DI SINI
Buku Program BIF'22
<https://bit.ly/3fNmyKy>

INOVASI 2022

<https://fb.me/a/2guNXZAU>



SENARAI PEMENANG BORNEO INNOVATION FESTIVAL 2022

PENCAPAIAN KESELURUHAN

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 1

KATEGORI 1 : PEMBINAAN & BAHAN/MESIN/PERALATAN

BIF024

SMART FIN-TECH INCUBATION SYSTEM
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SUNIZA ANIS BINTI MOHAMAD SUKRI
ZUHARLIDA TUAN HARITH
ZULHISYAM BIN ABDUL KARI@ ABDULLAH
MOHD FAREEZMAN ZAMZURI

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 3

KATEGORI 3 : ELEKTRIK, ELEKTRONIK & TELEKOMUNIKASI

BIF118

C19-AHS
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

MOHAMAD TALUKA BIN ARSAD
MADAM CAROLINE ANN MAI

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 5

KATEGORI 5 : PENGAJARAN &
PEMBELAJARAN

BIF056

JOMKI5: KIRA KUANTITI 1 HINGGA 5
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ALIZA ALIAS
SALMIAH BUJANG
SUHAIZA SALI
NOOR SYUHADA MOHD YUSOF

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 7

KATEGORI 7 : MAKANAN & MINUMAN

BIF116

SERBUK CANARIUM FOLIA
POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

CLARINA ANAK REHAT
EMILIANA BINTI BARAYAN
JESSICA ANAK JAWA

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 2

KATEGORI 2 : ICT & MULTIMEDIA

BIF016

REPLACING VIDEO CAMERAS WITH MOBILE PHONES USING
MULTI-PHONE LIVE STREAMING (MULTPLS) METHOD
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

ALHADI BIN BUJANG
NURUL IZZAH BINTI NASIR
MOHAMMAD KHAIRUDDIN BIN AHMAD
ENDDY BIN AHMAD MATALI

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 4

KATEGORI 4 : PRODUK HIJAU/ PERTANIAN/
ALAM SEKITAR/ TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

BIF132

BULP REPLACING TOOL - BRT
KOLEJ KOMUNITI MIRI

NICHOLAS JAU EDWARD
DARRELL CHAN TZE FOOK
BRYEN DOLLAH SIGAR
MOHAMMAD ALIF BIN HUSAIMI

ANUGERAH TERBAIK KATEGORI 6

KATEGORI 6 : REKABENTUK KREATIF & WARISAN

BIF031

FLUX: A MODULAR 3D PRINTED FURNITURE
JOINERY SYSTEM
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

NOR HAMIZAH BINTI ABDUL HAMID
MUHAMAD EZRAN BIN ZAINAL ABDULLAH
JARFRULHIZAM BIN JAAFAR
MOHD FIRUZ BIN MOHD ANWAR

PENCAPAIAN KESELURUHAN

ANUGERAH PITCHING TERBAIK

BIF031

FLUX: A MODULAR 3D PRINTED FURNITURE JOINERY SYSTEM
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

NOR HAMIZAH BINTI ABDUL HAMID
MUHAMAD EZRAN BIN ZAINAL ABDULLAH
JARFRULHIZAM BIN JAAFAR
MOHD FIRUZ BIN MOHD ANWAR

KATEGORI 6 : REKABENTUK KREATIF & WARISAN

ANUGERAH POSTER TERBAIK

BIF051

REAL-TIME SOLAR EFFICIENCY MONITORING SYSTEM
POLITEKNIK MUKAH SARAWAK

TS. DR. MUHAMMAD SUFYAN SAFWAN BIN MOHAMAD BASIR
NUR-ADIBAH RAIHAN BINTI AFFENDY
SEBASTIANA ANAK LICHIT
IVY CESSLEY LUNGAH ANAK WESLEY MALACCA

KATEGORI 3 : ELEKTRIK, ELEKTRONIK & TELEKOMUNIKASI

ANUGERAH INOVASI MUDA (PELAJAR INSTITUSI)

BIF122

AN INTERACTIVE E-LEARNING TOOL
FOR MARTIAL ART (SILAT) CURRICULAR GAME
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

MOHAMAT ARFAT BIN AMIRHAMZA
YOSUA PIUS
MOHAMMAD ASYRAF BIN AFFENDY
NOOR HAFIZAH BINTI AZALI

KATEGORI 5 : PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

ANUGERAH VIDEO TERBAIK

BIF023

EXPLORE
KOLEJ KOMUNITI HULU SELANGOR

NORAIDA BINTI ABU SEMAN
ILI AKMAL BINTI ISMAIL
NORAZWANI BINTI SUHAIMI
SHARIFAH NOZI BINTI SYED HAMID

KATEGORI 5 : PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

ANUGERAH INOVASI TERBAIK

BIF056

JOMKI5: KIRA KUANTITI 1 HINGGA 5
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ALIZA ALIAS
SALMIAH BUJANG
SUHAIZA SALI
NOOR SYUHADA MOHD YUSOF

KATEGORI 5 : PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

ANUGERAH INOVASI MUDA (PELAJAR SEKOLAH)

BIF150

JEM SDF DE' APONG
KOLEJ VOKASIONAL BETONG SARAWAK

PADRET SELAMAT ANAK GEORGE
HII TING SIANG
HARITH FARHAN BIN HASAN
ALICE TEO SEDA ANAK ALBERT

KATEGORI 7 : MAKANAN & MINUMAN

ANUGERAH KHAS JURI

BIF091

ORGANIZATIONAL EXCELLENCE INDEX:
FACILITATING ORGANIZATIONAL LEARNING THROUGH
ORGANIZATIONAL CULTURE AUDIT
I-CATS UNIVERSITY COLLEGE

PROFESSOR DR. SHAHREN AHMAD ADRUCE
DR. DONALD STEPHEN
DR. VICTORIA JONATHAN
ABANG MOHD HEIKAL BIN ABG OTHMAN

KATEGORI 5 : PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

SUCCESS STORY

ALUMNI

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS)



The graphic features a central circular portrait of Khairul Bin Sapiee, a smiling man in a blue jacket, standing in front of a display board. To the left of the portrait is a text box with a yellow background and black border, containing his name and details. To the right is a quote in a yellow box. The background of the graphic includes logos of the Ministry of Education and Politeknik Malaysia, and a decorative leaf motif in the top right corner.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

Alumni Politeknik METRO BETONG SARAWAK

KHAIRUL BIN SAPIEE

DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN

TAHUN BERGRADUAT
JUN 2018

PEKERJAAN:
OWNER AND MANAGING DIRECTOR OF
GREENERY BORNEO TRAVEL & TOURS SDN BHD

REGIONAL SPECIFIC TOURIST GUIDE
(RSTG) LEVEL 3 (IN PROGRESS)

KINI MELANJUTKAN PENGAJIAN
BIDANG IJAZAH SARJANA MUDA DALAM PENGURUSAN
(OPEN UNIVERSITY)

PMBS banyak memberi pendedahan dan membentuk saya dari dalam. Melalui subjek yang ditawarkan seperti **Travel & Hospitality Marketing, Tour Guiding** dan **Tourism Expedition**, saya banyak mempelajari ilmu dan kemahiran yang penting dalam sektor pelancongan. Berkat pengalaman dan usaha, kini saya telah menubuhkan syarikat pelancongan saya sendiri, **'GREENERY BORNEO TRAVEL & TOURS SDN BHD.**

"Masa lalu tidak dapat di ubah. Masa depan dicipta pada hari ini."



Khairul Sapiee merupakan alumni Politeknik METRO Betong Sarawak (PMBS) yang telah tamat pengajiannya pada tahun 2018 dalam bidang Diploma Pengurusan Pelancongan.

Berbekalkan ilmu pengetahuan serta tunjuk ajar yang diperoleh semasa menuntut di PMBS, beliau kini sedang mencipta nama di dalam dunia perniagaan pelancongan.





PENGUKUHAN SISWA

SESI PENILAIAN KHAS PELATIH INDUSTRI PMBS BERSAMA PIHAK MAYBANK | 18 JULAI 2022

Satu Sesi Penilaian Pembentangan dan Sesi Soal Jawab khas bersama Pihak Maybank telah dilaksanakan secara atas talian bersama pelajar-pelajar yang menjalani Latihan Industri di Maybank.

Seramai 7 orang pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah membentangkan tugas mereka sepanjang menjalani latihan industri. Pelbagai pengalaman telah dikongsikan serta kejayaan telah diperolehi oleh para pelajar.

Syabas dan tahniah kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Semoga terus maju melangkah menuju kejayaan!



“KNOWLEDGE IS MEANT TO BE SHARED AND FOR THAT, WE THANK YOU MALAYSIA CONVENTION & EXHIBITION BUREAU!” - PMBS

22 Julai 2022 menandakan hari terakhir pelatih dari Politeknik METrO Betong, Sarawak selepas menamatkan latihan industri selama 6 bulan di MyCEB.

Pihak MyCEB dengan pembentangan akhir mereka tentang apa yang telah mereka pelajari dan apa yang akan mereka ambil daripada pengalaman latihan. Melalui sokongan dan bimbingan yang betul, mereka yang baru boleh berkembang maju dalam industri dan mencapai perkara yang hebat.

Tahniah kepada Ahmad Syafie, Ellya Emelda Rochellow, Georgiana Jimin dan Munirah Kaderi kerana telah menamatkan latihan industri anda.





Semoga ilmu yang diperoleh dapat memberi manfaat kepada semua pelajar. Terima kasih Al Fateh Worldwide Travel & Tours Sdn. Bhd. Kerana berkongsi ilmu dengan para pelajar kami.

Alhamdulillah! Tamat Menjalani Latihan Industri di Agensi Perlancongan, Al Fateh Worldwide Travel & Tours Sdn. Bhd.

Seramai 4 orang pemain kelab ragbi PMBS, PMBS Huntress iaitu Emily Runai anak Maling, Natalie Jane anak James Bong @ Garit, Nadia Farieyza binti Adris dan Nooraishah Najwa Bakeri telah terpilih untuk bermain di dalam kumpulan Vokbet Girls yang terdiri daripada pelajar Kolej Vokasional Betong untuk mewakili bahagian Betong untuk ke Get Into Rugby & Kejohanan U19 Women Rugby 7s League (Miri) 2022/2023 Anjuran Majlis Sukan Negeri Sarawak, Australian Embassy & Sarawak Rugby Union. Kejohanan ini bermula hari ini, 4 Ogos dan tamat pada 7 Ogos 2022.

Ucapan Tahniah juga diucapkan kepada pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS), Nadia Farieyza binti Adris (DKB2A) kerana telah berjaya dianugerahkan Best Leadership of The Tournament. Manakala Aishah Najwa Bakeri (DKB2A) telah dianugerahkan Best Forward of the Tournament. Namun, pasukan Vokbet Girls, yang terdiri daripada gabungan pelajar Kolej Vokasional Betong dan PMBS terpaksa akur apabila kalah menentang Northern Zone A di peringkat Final Plate pada perlawanan U19 Women Rugby 7s League (Miri) 2022/2023. Terusakan berusaha dan semoga pasukan ragbi PMBS beroleh kejayaan di perlawanan yang akan datang.

PMBS HUNTRESS SERTAI KEJOHANAN U19 WOMEN RUGBY 7S LEAGUE (MIRI) 2022/2023 | 4-7 OGOS 2022

**ANJURAN MAJLIS SUKAN
NEGERI SARAWAK,
AUSTRALIAN EMBASSY &
SARAWAK RUGBY UNION**



MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI I 2022/2023

Seramai 38 orang pelajar baharu telah berjaya mendaftar masuk ke Politeknik METrO Betong Sarawak bagi kursus Diploma Pengurusan Perlancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan bagi pengambilan sesi I 2022/2023. Acara pembukaan pendaftaran dimulakan dengan ucapan aluan dan selamat datang daripada Puan Winne anak Chengai, Ketua Hal Ehwal Pelajar PMBS dan diikuti dengan taklimat ibu bapa bagi kemasukan ke Politeknik.

Bagi tujuan pendedahan kepada para pelajar baharu, mereka telah diberi taklimat berkaitan institusi PMBS, taklimat EKSA, taklimat dari kedua-dua Ketua Program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan, taklimat Hal Ehwal Pelajar, taklimat dari unit Peperiksaan, Psikologi, Perpustakaan, Kokurikulum dan juga Majlis perwakilan Pelajar (MPP).

Majlis penutupan ini telah disempurnakan oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh pada hari terakhir MTS.



MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI I 2022/2023 | 18 OGOS 2022



4 PEMAIN RAGBI PMBS HUNTRESS SERTAI BRO. ALBINUS 10S CUP DI SIBU, SARAWAK | 13 OGOS 2022

4 pemain ragbi PMBS Huntress, iaitu Nadia Farieyza, Natalie Jane, Emily Runai dan Nooraishah Najwa telah mewakili bahagian Betong bersama pasukan Gators Blade untuk bertanding dalam Bro. Albinus 10s Cup di Azman Hashim Community Sport Centre, Sibu Jaya pada hujung minggu lepas.

Mereka memperoleh kedudukan Naib Johan bagi Kategori Wanita dan semoga penglibatan ini dapat memberi pengalaman baru yang dapat digunakan untuk lebih bersedia menghadapi pertandingan-pertandingan di masa hadapan.



PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK LAPOR DIRI BAGI LATIHAN INDUSTRI | 15 OGOS 2022

Pada 15 Ogos 2022 yang lepas, seramai 6 orang pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan dan 16 orang pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan telah lapor diri bagi latihan industri.

Tahniah dan selamat menjalani latihan industri selama 20 minggu kepada semua pelajar semester 6 Sesi I: 2022/2023 Politeknik METrO Betong Sarawak. Semoga beroleh ilmu, kemahiran dan pengalaman dan menamatkan sesi Latihan Industri ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak industri yang terlibat diatas kesudian menerima pelajar kami.



SMK SRI AMAN EDUCATION FAIR | 15 OGOS 2022

Unit Hal Ehwal Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah turun padang bagi turut serta dalam Program Pameran Pendidikan dan Kerjaya di SMK Sri Aman.

Bertempat di dewan serbaguna SMK Sri Aman, PMBS diwakili Encik Gregory Evan Nanson dan seorang wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar PMBS, saudara Ash Izzeron Anak Rickie. Mereka telah bersama agensi-agensi dan institusi-institusi lain dalam mempromosikan produk masing-masing bagi menarik minat pelajar terutamanya pelajar SPM yang akan menamatkan persekolahan mereka tidak lama lagi. Usaha murni oleh Pengetua SMK Sri Aman, Tuan Haji Mohamad Lela Bin Haji Alamsah serta Guru Kaunseling, Encik Justin Anak Devit ini disambut baik oleh semua wakil institusi yang hadir dan para pelajar dilihat amat bersyukur dapat mendengar sendiri ulasan daripada institusi-institusi pilihan mereka.

Semoga penglibatan aktif PMBS dalam program seperti ini dapat menggalakkan anak-anak muda untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya berjaya dalam kehidupan mereka.



AKTIVITI KEROHANIAN PELAJAR POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 25 OGOS 2022

Satu aktiviti kerohanian pelajar muslim dan muslimat PMBS yang diketuai oleh Ketua Unit Pengajian Am PMBS, Ustaz Muhammad Firdaust bin Mohd Ramlee telah diadakan sebentar tadi di surau PMBS.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah bacaan yassin, tazkirah ringkas dan solat Isyak berjemaah untuk mengeratkan silaturahim sesama pelajar.



CERAMAH KESEDARAN BERMULA SEMESTER BAHARU OLEH UNIT PSIKOLOGI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 26 OGOS 2022

Bertempat di Seri METRO Gemilang, PMBS, satu ceramah bertajuk “Kesedaran Bermula Semester Baharu” telah disampaikan oleh Ketua Unit Psikologi PMBS, Puan Nurul Aniqah binti Ahmad Zaidi dengan jayanya.

Antara objektif ceramah tersebut adalah untuk membantu para pelajar untuk lebih bersedia menjalani semester baharu, disamping menyuntik semangat para pelajar untuk lebih fokus supaya memperoleh Himpunan purata nilai markah (HPNM) yang lebih tinggi dan cemerlang pada semester ini dan semester-semester yang akan datang.

Selain itu, ceramah ini juga penting bagi memberi kesedaran bahawa pergaulan bebas yang tidak terkawal.

Ceramah ini telah disertai oleh pelajar dari Semester 1 sehingga semester 5 dari kedua-dua program, iaitu Diploma Kewangan dan Perbankan serta Diploma Pengurusan pelancongan dan juga pensyarah-pensyarah yang telah dilantik sebagai penasihat akademik.



PROGRAM 'A RISING STAR: TOWARDS THE FUTURE' | 2-4 SEPTEMBER 2022



Bertempat di Damai Beach Resort, Kuching, seramai 40 orang pelajar Politeknik METRo Betong Sarawak menyertai program belia anjuran Kementerian Belia, Sukan, dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED) bersama belia lain dari Layar dan Bukit Saban. Hadir bersama adalah Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED), YB Datuk Gerald Rentap Jabu yang turut mengadakan sesi perkongsian bersama para peserta.



Program ini bertujuan untuk membina keyakinan serta jati diri dan keperibadian yang lebih tinggi sebagai seorang belia. Di samping itu, program ini juga memastikan para belia ini bersedia dalam apa jua keadaan dan menjadikan diri mereka sebagai 'role model' bagi belia lain meningkatkan keupayaan masing-masing bagi menempuh cabaran mendatang.

Antara aktiviti yang disertai peserta adalah seperti latihan dalam kumpulan, kembara hutan, dan sesi perkongsian/perbincangan idea.

Pelajar PMBS diiringi oleh Pegawai HEP PMBS, Encik Gregory Evan anak Nanson, yang membantu mengelolakan pergerakan pelajar serta kelancaran program di samping keselamatan pelajar sepanjang kem tersebut.



BENGKEL PEMERKASAN RAKAN PROMO POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI NEGERI SARAWAK (POLYCC SARAWAK) | 7 - 8 SEPTEMBER 2022

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (BAPP, JPPKK) di bawah kelolaan Unit Ambilan Pelajar Kolej Komuniti Santubong telah menganjurkan Bengkel Pemerkas Rakan Promo Politeknik dan Kolej Komuniti Negeri Sarawak secara atas talian di mana ianya telah melibatkan seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) di negeri Sarawak.

Seramai 5 orang pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah mengikuti bengkel yang berlangsung secara maya ini. Pemilihan peserta bagi bengkel ini adalah berdasarkan kepada kriteria tertentu. Pelajar yang mewakili PMBS mestilah aktif menggunakan aplikasi Tiktok sebelum layak diangkat sebagai influencer atau pereka konten media sosial bagi mewakili institusi masing-masing.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai program di POLYCC Negeri Sarawak dan menerangkan fungsi pelajar sebagai rakan promosi di dalam apa jua program promosi yang akan diadakan oleh PMBS pada masa akan datang.


Antara influencer tiktok dikalangan pelajar PMBS yang terpilih adalah:

1. Jacquelyn anak Jeffrey @jjxcq_
2. Siti Zuerayina bt Sukardi @xueyinshii
3. Ivy Nyala anak Mawar @ivy_ivyy
4. Bennet Rusell Bin Superman @kamekamehaa17
5. Mohamad Harmiezal bin Johar @dino__214

Semoga dengan langkah ini, PMBS akan lebih dikenali dan seterusnya mampu melahirkan ramai graduan berkualiti di masa hadapan.

Video yang dihasilkan pelajar dapat ditonton melalui pautan:

1. <https://vt.tiktok.com/ZSR5fCBMo/>
2. <https://vt.tiktok.com/ZSR5f4GJd/>



TAKLIMAT PENGENALAN LATIHAN INDUSTRI (I) | 9 SEPTEMBER 2022



Satu Taklimat Pengenalan Latihan Industri (I) bagi pelajar Semester 5 Diploma Kewangan dan Perbankan dan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan telah diadakan di TEC3. Taklimat ini adalah dibawah kelolaan Unit Perhubungan & Latihan Industri yang diketuai oleh Puan Emilyn Nojen dan 2 orang Penyelaras Latihan Industri Jabatan (PLIJ) iaitu Cik Afifah Binti Bolhassan bagi Jabatan Perdagangan dan Cik Fazidah Binti Sahadan bagi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.

Objektif taklimat ini adalah untuk menerangkan prosedur, garis panduan yang perlu dipatuhi, cara pengisian borang-borang dan tanggungjawab pelajar semasa menjalani latihan industri bagi Sesi II: 2022/2023. Seramai 26 orang pelajar telah berjaya mendaftar kursus DUT60019 Industrial Training di SPMP, PMBS.



POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) SERTAI PROGRAM 'DEBATE WORKSHOP & COMPETITION' ANJURAN SARAWAK DAYAK GRADUATES ASSOCIATION (SDGA) | 10 SEPTEMBER 2022



Seramai 9 orang pelajar PMBS yang terdiri daripada pelajar Semester 1, 2, dan 3 telah menyertai bengkel debat dan pertandingan tertutup yang telah dianjurkan oleh Sarawak Dayak Graduates Association (SDGA) bertempat di Sri METro Gemilang, PMBS.



Bengkel ini juga disertai oleh pelajar dari SMK St. Augustine, Betong, dan peserta lain dari kawasan sekitar Betong. Dalam pertandingan ini, PMBS yang diwakili oleh Ashay Meguel (DKB1A), Louise Emmanuel (DKB3A), dan Mathew Mieng Urang (DKB2A) berjaya merangkul gelaran naib johan daripada keseluruhan 8 kumpulan yang bertanding.



Majlis ini dihadiri dan disaksikan oleh Timbalan Pegawai Daerah Betong, En. Jamain Bin Wahab, Presiden SDGA, En. Gary Ningkan, dan Timbalan Pengarah PMBS, En. Mohd Shahrir Bin Ahmad Zaini. Antara inti pati bengkel ini adalah untuk mengasah bakat peserta dalam berdebat selain membuka minda peserta kepada teknik-teknik serta cara-cara yang efektif dalam memberi serta membalas hujah yang dikemukakan. Peserta turut berpuas hati dan gembira diberi peluang oleh SDGA untuk mempelajari ilmu baru ini dan semoga lahirlah pendebat-pendebat bagi PMBS suatu hari nanti.



POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) SERTA PERTANDINGAN TOURIST GUIDING POLYSKILL 2022 | 11 SEPTEMBER 2022 - 15 SEPTEMBER 2022

Buat julung kalinya PMBS telah menghantar 2 wakil peserta dalam kategori Tourist Guiding bagi pertandingan POLYSKILL 2022 dibawah bimbingan Jurulatih POLYSKILL PMBS, Pn. Nur Faizah Binti Zam Zam dan En. Ahmad Nazrin Bin AB Aziz serta Penyelaras POLYSKILL PMBS, En. Rossi Gundie Anak Julius.

Pertandingan ini berlangsung selama 5 hari bermula 11 September 2022 - 15 September 2022 bertempat di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor dan lebih dari 20 kategori telah dipertandingkan. Seramai 17 peserta telah bertanding daripada 8 politeknik yang berbeza bagi kategori Tourism Guiding, dimana para peserta dikehendaki untuk menyelesaikan 5 tugas sepanjang pertandingan.


Antaranya *Meet & Greet*, *On Coach Tour Commentary*, *On Site Tour Commentary*, *Slide Commentary* dan *Pre Recorded Virtual Tour*.

Penglibatan di dalam pertandingan sebegini dilihat dapat membantu para pelajar untuk meningkatkan keyakinan diri disamping mengetengahkan bakat pelajar itu sendiri. Selain itu, ia selaras dengan sukatan silibus bagi kursus DTM30114 Tourist Guiding Technique.

Peserta dari PMBS yang kedua-duanya dari Jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan, Cantius Arun, pelajar semester 3 dan Adzly Isma Danish Bin Adzimat, pelajar semester 5 telah masing-masing mendapat tempat ke-5 dan tempat ke-15. Tahniah diucapkan kepada semua diatas pencapaian dan kesungguhan mereka sepanjang sesi sesi latihan diadakan.



TECHSTARS STARUP WEEKEND | 23 - 25 SEPTEMBER 2022



Seramai 31 orang pelajar Politeknik METRO Betong Sarawak telah menyertai Techstarts Startup Weekend pada 23 hingga 25 September 2022. Program dibawah urusetia 2 orang pensyarah iaitu Puan Emilyn Nojen dan Encik Gregory Evan Anak Nanson ini telah diadakan di Betong Digital Innovation Hub.



Pelbagai aktiviti telah dilakukan oleh para peserta dan diantaranya adalah mencipta model perniagaan, prototaip, pitching, mentor mentee serta aktiviti berkumpul.

Tahniah dan syabas kepada semua peserta kerana tetap semangat dalam menjayakan program yang diadakan selama 54 jam ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Malcolm Wu, Pengurus Strategic iCube Innovation atas ilmu yang dikongsi. Semoga para peserta lebih yakin dalam lontaran idea dan lebih kreatif dalam mencipta sesuatu produk dalam pasaran.



AKTIVITI KEROHANIAN PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 29 SEPTEMBER 2022



Aktiviti kerohanian secara mingguan di PMBS diteruskan seperti biasa pada setiap malam khamis dan dimulai dengan sesi tazkirah yang bertajuk "Kewajipan Solat". Intipati tazkirah menekankan kepada kewajipan utama sebagai seorang muslim iaitu melaksanakan solat 5 waktu setiap hari. Fokus tazkirah juga mengingatkan pelajar lelaki untuk tidak sekali-kali meninggalkan solat Jumaat.

Tazkirah ringkas ini disampaikan oleh Ustaz Muhammad Firdaus bin Mohd Ramlee selaku Ketua Unit Pengajian Am. Slot kerohanian disusuli dengan bacaan Yaasin dan solat isyak berjemaah. Majlis selesai pada pukul 8 malam dengan kudapan yang disumbangkan oleh para pensyarah PMBS.



AKTIVITI KEROHANIAN PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 29 SEPTEMBER 2022

Seramai 5 orang pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah menyertai GIG Preneur bersama 60 orang peserta yang terdiri daripada bakal graduan Politeknik & Kolej Komuniti Zon Sarawak. Perjalanan para pelajar ini telah diiringi oleh pensyarah Unit Pengajian Am, Encik Abdul Fattah bin Hamden yang telah diadakan di Raia Hotel & Convention Centre, Kuching, Sarawak.



Antara pengisian sepanjang program adalah Pengenalan Gig Economy, Google Business Profile, Business Grooming, Pemasaran Tiktok, Toyyibpay, Maybank QR Pay, Business boosting dan Live penjualan produk secara online.

Program ini telah dibimbing oleh Encik Wan Najib Wan Hamdan, Pengurus Coach Wan Training & Consultancy. Program ini dilaksanakan dengan harapan ianya mampu melahirkan bakal usahawan dari kalangan pelajar politeknik, khasnya dan semoga dengan ilmu yang dipelajari, mereka berani untuk melangkah ke depan dan menjadi 'job creator' di masa hadapan.



PROGRAM LATIHAN INTENSIF PASUKAN RAGBI POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) BERSAMA MAJLIS SUKAN NEGERI SARAWAK | 3 OKTOBER 2022



Program latihan ini dilaksanakan sebagai salah satu langkah untuk mempersiapkan ahli pasukan ke kejohanan UPM 7s. Objektif latihan ini adalah memberi pendedahan dan perkongsian teknik beraras tinggi untuk diterapkan oleh ahli pasukan di dalam corak permainan mereka.

Program ini disertai oleh 24 pemain PMBS Hornbill RC dan Mengambil peluang dari kehadiran Ketua Jurulatih Pasukan Ragbi Sarawak, Coach Nacani Seniu dibantu oleh Coach Stancy Ling Engan dan Coach Yusanani Yusuf, satu program Get Into Rugby (GIR) diadakan di Padang SMK St Augustine, Betong telah diadakan dengan jayanya untuk memberi pendedahan teknik ragbi kepada 60 orang peserta terdiri daripada pemain Kolej Vokasional Betong dan PMBS Hornbill RC sendiri.



BENGKEL PERSEDIAAN MENDUDUKI MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

| 7 OKTOBER 2022



Bengkel secara atas talian ini diadakan bertujuan untuk membantu calon MUET membuat persediaan menghadapi peperiksaan MUET. Ianya padat dengan maklumat penting mengenai format, teknik dan kemahiran yang diperlukan untuk menduduki ujian MUET dengan cemerlang. Guru MUET berpengalaman dari SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapur Puan Teo Ai Kiat telah dijemput sebagai penceramah bagi bengkel tersebut.

Bengkel program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) ini telah dianjurkan oleh Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak secara dalam talian. Bengkel Persediaan MUET ini diadakan sebagai salah satu inisiatif institusi untuk membantu para pelajar PMBS serta calon-calon MUET di sekitar Betong di dalam persiapan mereka menghadapi ujian MUET yang dijadualkan bermula pada 11 Oktober 2022.

Bengkel PERSEDIAAN MUET

(MALAYSIA UNIVERSITY ENGLISH TEST)

7 OKTOBER 2022
 GOOGLE MEET
 2.00 PETANG

YURAN:
RM5 SAHAJA

(UNTUK PESERTA LUAR PMBS)

Sijil Disediakan!

PN. TEO AI KIAT
PENCERAMAH JEMPUTAN

Guru MUET berpengalaman daripada SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapur

TERBUKA KEPADA SEMUA!
GURU? CALON MUET? PELAJAR? **BERMINAT?**
IMBAS KOD QR ATAU LAYARI PAUTAN UNTUK PENDAFTARAN!

<https://tinyurl.com/BENGKELMUET>

BAYAR KEPADA : KOPERASI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK
 NO. AKALIN : 1-00759-100000-1310 (AGROBANK)
 REF. 1 : MAJLIS PERWAKILAN PESERTA
 REF. 2 : MUET PMBS

ANJURAN BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN PMBS

PN. AGNES
0193653261

PROGRAM DESIGN THINKING FOR SOCIAL ENTREPRENEURSHIP | 7-9 OKTOBER 2022

4 orang pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah terpilih untuk menyertai Program Design Thinking Social Entrepreneurship. Program yang diiringi oleh Puan Emilyn Nojen juga selaku fasilitator telah diadakan di Kolej Komuniti Kuching. Seramai 38 orang peserta daripada Politeknik METrO Betong Sarawak, Politeknik Mukah, Politeknik Kuching, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading dan Kolej Komuniti Santubong telah menyertai program ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada (2) orang penceramah jemputan iaitu Timbalan Pengarah Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan Teknologi (UTMXCITE) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Umar Haiyat Abdul Kohar dan Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan UTM, Dr. Logaiswari Indiran ini telah memberikan banyak ilmu pengetahuan dan pendedahkan mengenai keusahawanan sosial.

Antara aktiviti dan ilmu yang diperolehi oleh pelajar sepanjang program ini adalah Social Business Model Canvas, aktiviti Design Thinking, pengiraan agihan keuntungan kepada projek keusahawanan sosial, Program Sehati Bersama Adik Angkat PERYATIM dan jualan produk di sekitar Waterfront Kuching.

Syabas dan tahniah kepada pelajar PMBS dan PMU kerana telah memenangi 3 anugerah iaitu Sehati Challenge, Social Entrepreneurship Tik Tok Challenge dan Top Sales.

Tahniah juga diucapkan kepada semua peserta dan ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan program yang berimpak tinggi ini.



PROGRAM POLYCC SARAWAK BIZ COMPETITION "QBIC" ANJURAN KOLEJ KOMUNITI MIRI DENGAN KERJASAMA UNIT KEUSAHAWANAN NEGERI SARAWAK | 12-13 OKTOBER 2022

PMBS telah menghantar wakil bagi pertandingan yang telah diadakan di Eastwood Valley Golf & Country Club pada minggu lalu, diiringi oleh Pensyarah Jabatan Perdagangan, Encik Patrick Jopris Aro. Sekalung tahniah diucapkan kepada pelajar PMBS yang telah mendapat anugerah bagi kategori Business Pitching seperti berikut:

1. Video Marketing Award

Pelajar semester 2 jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan, saudara Izz Hazim bin Bolkliah telah dinobatkan sebagai juara bagi perniagaan yang dipertandingkan iaitu Dapur Makngah (Kisar Siri)

2. Creative Video Award

Pelajar semester 4 jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan, saudari Ivy Nyala telah memenangi tempat ketiga bagi produk yang dipertandingkan iaitu Faith Fleur.



PROGRAM PERANTI SISWA | 13 OKTOBER 2022



Seramai 132 orang pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah menerima peranti pintar di bawah program Peranti Siswa Keluarga Malaysia yang disasarkan kepada pelajar dari kalangan keluarga B40 di seluruh negara.

Program Peranti Siswa merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan sokongan dan kerjasama Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi yang akan dilaksanakan sebelum berakhir November tahun ini.



Hadir bersama bagi penyerahan peranti pintar tersebut ialah En. Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini, Timbalan Pengarah PMBS mewakili Pengarah PMBS, Suhaili bin Aleh dan Pn. Winne Chengai, Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) PMBS.



Sementara itu, salah seorang pelajar yang menerima peranti tersebut, Shamzly Norman anak Frankly Lawrence beliau merasa gembira dan berterima kasih kepada kerajaan Malaysia khususnya atas keprihatinan menyediakan peranti tersebut kepada pelajar yang memerlukan untuk tujuan pembelajaran. Beliau yang juga Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PMBS menyeru kepada rakan-rakan pelajar yang turut menerima peranti tersebut agar menjaga dan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin.



TAKLIMAT KELUARGA MALAYSIA SIHAT KEWANGAN BERSAMA CIMB KUCHING | 19 OKTOBER 2022

Seramai 47org pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 1 bagi Diploma Kewangan dan Perbankan dan Diploma Pengurusan Pelancongan.

Taklimat ini diberikan oleh En Awang Horolni bin Awg Putit, Zone Manager East Malaysia Branch, yg juga merupakan penasihat industri bagi PMBS.

Taklimat kesedaran ini memberi informasi kepada pelajar tentang cara pengurusan kewangan yang bijak.



KEJOHANAN POLYBETLYMPIC POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK ANJURAN PELAJAR SEMESTER DUP4A SESI I 2022/2023 | 20 OKTOBER 2022



POLYBETLYMPIC merupakan suatu nama sukan dari hasil gabungan nama POLITEKNIK METRO Betong (PMBS) dan Olympic yang memberi tafsiran acara sukan berprestij dan terbesar dunia.

Polybetlympic telah diadakan dengan jayanya pada 20 Oktober 2022 (Khamis), bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 6.00 petang bertempat di Kompleks Sukan Betong, Betong. Ini merupakan satu acara yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar dari DUP4A bagi memenuhi keperluan silibus subjek DTM40134 EVENT OPERATION & MANAGEMENT dengan kerjasama tenaga kerja dari Sistem Penasihat Akademik (SPAK) PMBS.

Idea POLYBETLYMPIC diinspirasi menjadi suatu acara yang dapat meningkatkan kecergasan fizikal dan kecerdasan mental setiap pemain. Selain itu, ini merupakan platform terbaik untuk warga kerja PMBS yang terdiri daripada staf pentadbiran dan juga staf akademik serta kesemua pelajar PMBS dari semester 1 hingga semester 5 menonjolkan bakat sendiri di dalam acara sukan.

Juara keseluruhan kejohanan POLYBETLYMPIC dimenangi oleh Rumah Kuning Spaoh, manakala Naib Johan dimenangi oleh rumah Jingga Kabong. Rumah Ungu Saratok pula menduduki tempat ketiga.

Syabas dan tahniah kepada semua peserta acara balapan dan sukaneka dari rumah sukan masing masing dan ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus dalam menayakan program ini.



LAWATAN ILMIAH KE TABUNG BAITULMAL SARAWAK, AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KUCHING), LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI CAWANGAN KUCHING | 2- 4 NOVEMBER 2022



Seramai 23 peserta dalam kalangan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Politeknik METrO Betong Sarawak telah mengadakan lawatan ilmiah ke Tabung Baitulmal Sarawak, Amanah Ikhtiar Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Kuching dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC).



Lawatan ini bertujuan untuk membolehkan pelajar untuk mempraktikkan dan mengaplikasikan teori pembelajaran di dalam kelas serta membina jaringan kolaborasi industri antara pihak Politeknik METrO Betong Sarawak dengan pihak industri.

Sekalung penghargaan buat Tabung Baitulmal Sarawak, Amanah Ikhtiar Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Kuching dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) atas perkongsian ilmu yang bermanfaat serta layanan mesra yang telah di berikan kepada para peserta sepanjang lawatan ini diadakan.

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR SEMESTER 1 JURUSAN DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN SESI I 2022/2023 POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 3 - 5 NOVEMBER 2022

Satu lawatan akademik di sekitar bandaraya Kuching, Sarawak telah diadakan pada minggu lalu. Lawatan yang melibatkan 21 orang pelajar semester 1 ini diadakan selari dengan keperluan kursus DTM10093 Tourism in Malaysia.

Lawatan ini diharapkan agar dapat membuka minda pelajar kerana mereka dapat merasakan sendiri pengalaman sebagai pelancong disamping menambah ilmu pengetahuan mereka berkaitan dengan produk pelancongan tempatan.

Tempat lawatan termasuk sekitar Waterfront Kuching, Program Sarawak Regatta 2022, Borneo Cultures Museum, Fort Margherita, Kampung Budaya Sarawak, Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUN) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sarawak.

Pegawai Komunikasi Korporat DUN Sarawak, Puan Nur Azira binti Abdul Kadir berserta Puan Nur Eliana Abdullah telah dipertanggungjawabkan untuk mengiringi kumpulan pelajar PMBS untuk melawat kawasan sekitar DUN. Manakala Penolong Pengarah, Puan Zurina binti Zainal Abidin Shah dari Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sarawak telah memberi penerangan kepada para pelajar berkenaan dengan statistik kemasukan pelancongan Domestik dan Antarabangsa ke Malaysia, inap desa dan perlesenan pelancongan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kerana sudi meluangkan masa bersama para pelajar PMBS serta para pensyarah pengiring, Puan Azlinda binti Ahmad dan Cik Aren Lah Keding.



BENGKEL MAKANAN SEJUK BEKU ANJURAN UNIT KEUSAHAWANAN PMBS | 4 - 5 NOVEMBER 2022



Bengkel makanan sejuk beku telah diadakan di Pusat Keusahawanan (Poly Pavilion) pada 4 hingga 5 November 2022 yang melibatkan pelajar keusahawanan semester 1 sesi 1 2022/2023.

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dengan peluang perniagaan yang mendapat permintaan ramai pada masa sekarang. Dengan adanya bengkel sebegini juga ianya mampu membudayakan nilai keusahawanan dan memberi nilai tambah kepada pelajar yang terlibat terutamanya bidang perniagaan makanan dan minuman.

Tenaga pengajar yang juga usahawan dalam bidang industri makanan dan minuman, Noorvyna Sahari berkongsi cara-cara untuk membuat makanan sejuk beku seperti wantan goreng dan rebus, bergedil dan samosa. Teknik menggoreng, membungkus dan memasarkan produk turut diajar kepada peserta.

Diharap dengan adanya bengkel sebegini mampu memberi nilai tambah keusahawanan kepada pelajar yang terlibat.



AUTOCOUNT ACCOUNTING SYSTEM WORKSHOP ANJURAN JABATAN PERDAGANGAN, POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 8 - 10 NOVEMBER 2022



AutoCount Accounting System Workshop merupakan program Pembelajaran Sepanjang Hayat yang dianjurkan di bawah Jabatan Perdagangan, PMBS. Program ini melibatkan seramai 112 penyertaan yang terdiri daripada Pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan semester 2 hingga 5, Pelajar Diploma Pengurusan dan Hospitaliti semester 4 dan penglibatan pelajar Diploma Perakaunan Kolej Vokasional Betong Sarawak.



Bengkel ini dilaksanakan selama 3 hari bermula 8 sehingga 10 November 2022. Perasmian Program ini telah disempurnakan oleh Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh di samping Majlis Penyerahan Sijil Authorised Training Centre (ATC) oleh Wakil dari Pihak AutoCount Sdn Bhd iaitu Encik Nazzel Maznor Tohar.

Bengkel ini diadakan bagi tujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang pengrekodan maklumat dan data perakaunan ke dalam perisian yang wujud di pasaran dan merupakan salah satu perisian yang terbaik untuk keperluan perniagaan yang diguna pakai oleh industri pada masa kini. Autocount Accounting System juga dapat membantu sesebuah perniagaan untuk menguruskan data perniagaan, menganalisis prestasi perniagaan, berkongsi maklumat perniagaan dan membantu membuat keputusan perniagaan sesebuah industri.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PULAU PINANG BERTEMAKAN ADVENTOUR OF TIME: PEARL OF THE ORIENT | 7-11 NOVEMBER 2022

Program ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan situasi sebenar dalam merancang dan mengendalikan sesebuah ekspedisi. Melalui lawatan ini pelajar dikehendaki menjalankan lawatan ke destinasi tarikan pelancongan yang telah dipilih, membuat tinjauan, menyediakan laporan dan membentangkan hasil ekspedisi yang telah dijalankan. Program ini dibimbing oleh 2 pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti selaku pensyarah kursus, iaitu Cik Liew Jan Fui dan Cik Emiliana binti Barayan bagi memenuhi keperluan silibus DTM40144 Tourism Expedition. Ekspedisi kali ini telah membawa 25 orang pelajar semester 4 Diploma Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik METRo Betong Sarawak, Sesi I: 2022/2023 mengembara ke Pulau Pinang.



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH ANJURAN UNIT PENGAJIAN AM POLITEKNIK METRO METRO BETONG SARAWAK | 11 NOVEMBER 2022

Unit Pengajian Am telah melaksanakan Kursus Pengurusan Jenazah Peringkat Politeknik METro Betong Sarawak 2022. Kursus yang dihadiri oleh 60 orang peserta ini terdiri daripada semua pelajar muslim dan muslimat PMBS dan juga beberapa orang pensyarah serta staf pentadbiran.

Turut serta memeriahkan kursus secara teori dan amali pengurusan jenazah ini adalah Pengerusi PUSPANITA PMBS, Pn. Suraia binti Haji Abul Kadir dan juga Ketua Jabatan Sokongan Akademik Pn. Siti Syuhaila binti Zahari.

Kursus yang bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari ini disampaikan oleh Ustaz Abang Abdul Rajak Abang Julaihi dari Pejabat Agama Islam Bahagian Betong (PAIB) dan juga Cik Rohanisah Sahari dari PMBS. Kursus ini dijalankan bertujuan membekalkan para peserta khususnya para pelajar PMBS dengan ilmu pengurusan jenazah yang bermatlamat untuk sekurang-kurangnya menghasilkan seorang yang boleh membantu menguruskan jenazah dalam satu keluarga.



MELABUR BAIR RECREATIONAL TOURISM EXPLORATION | 14 - 15 NOVEMBER 2022

Bertempat di Rumah Richard Kadir, Melabur Bair, Ulu Layar, Betong, satu aktiviti perkhemahan telah Berjaya dilaksanakan dan ianya telah melibatkan 19 orang pelajar semester 2 jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan.

Selain daripada keperluan silibus bagi kursus DTO20044 Terrestrial Recreational Tourism, objektif program ini dijalankan adalah bagi mendedahkan para pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran dan teknik yang berkesan dalam pelaksanaan aktiviti rekreasi daratan di dalam industri pelancongan disamping membantu mempromosikan lokasi-lokasi pelancongan di sekitar kawasan Melabur Bair.

Selain itu, pemilihan lokasi ini dibuat kerana kepelbagaian aktiviti yang dilaksanakan oleh penduduk rumah panjang dapat dijadikan sebagai produk pelancongan yang menarik minat orang luar untuk datang dan melawat sendiri kawasan ini dan kawasan-kawasan di sekitarnya.



TAKLIMAT (II) PERSEDIAAN LATIHAN INDUSTRI DAN PENYEDIAAN LAPORAN | 15 NOVEMBER 2022

Seramai 26 orang pelajar Semester 5 bagi Diploma Kewangan dan Perbankan dan Diploma Pengurusan Pelancongan telah menghadiri Taklimat (II) Persediaan Latihan Industri (LI) dan Penyediaan Laporan. Taklimat yang dijalankan selama 3 jam ini telah diadakan di Makmal Komputer 3 dan setiap pelajar telah diberi Buku Garis Panduan LI sebagai rujukan.

Sepanjang taklimat ini juga, Unit Perhubungan dan Latihan Industri telah memperkenalkan penggunaan Google Site UPLI PMBS sebagai satu platform utama para pelajar untuk mencapai segala maklumat mengenai Latihan Industri. Penggunaan google site ini akan diimplimentasi dalam aplikasi bagi memudahkan pencapaian maklumat di hujung jari sahaja.



SESI 'MOCK INTERVIEW' BAGI PELAJAR SEMESTER 5 POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 1 DISEMBER 2022



Unit Pengajian Am PMBS yang diketuai oleh Encik Gregory Evan Anak Nanson dan En Muhd Qastari Syamim telah berjaya menganjurkan sesi 'Mock Interview' untuk pelajar Semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan serta Diploma Kewangan dan Perbankan pada 1 Disember 2022 di Betong Digital Hub, Betong.

Ini adalah selaras dengan keperluan untuk sukatan silibus DUE50032 Communicative English 3. Sesi ini berguna sebagai persediaan kepada bakal graduan untuk menghadapi persekitaran kerja sebenar dan menggunakan kemahiran dan pengetahuan temuduga adalah peluang terbaik untuk menyemai keyakinan dalam diri pelajar.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami tujukan kepada rakan industri, Encik Mohd Aizat bin Dollah, dari Pejabat Wilayah Betong SEDC, Puan Florence Bulan Anak Johnny dari Pejabat Penduduk Betong, dan Puan Nur Liana Lim Abdullah dari Pejabat Pendidikan Daerah Betong, yang telah meluangkan masa dan kepakaran mereka untuk menjadi ahli panel bagi sesi tersebut.



KARNIVAL SUKAN MINI PMBS CUP ANJURAN KELAB FUTSAL POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK | 5 DISEMBER 2022



Buat julung kali nya, Karnival Sukan Mini @ PMBS Cup dianjurkan oleh pelajar Semester 1 di bawah subjek berkredit, Kelab Futsal (MPU24011) yang telah berlangsung pada 5 Disember 2022 bertempat di perkarangan Politeknik METrO Betong Sarawak dan Stadium Mini Betong.

Karnival Mini ini telah disempurnakan oleh Pengarah PMBS, En. Suhaili Bin Aleh, dan disaksikan oleh Penasihat Program, En. Gregory Evan Nanson dan En. Mohd Qastari Syamim. Kejohanan ini menarik minat semua pelajar PMBS dari Semester 1 - Semester 5 serta pensyarah dan staf PMBS yang bersemangat merangkul kejuaraan pusingan. Antara acara sukaneka yang dipertandingkan adalah Dodgeball, Tangkapan Batin, dan Blind Penalty. Acara kemuncak pula merupakan Futsal yang menyaksikan pasukan DUP Semester 5 menjuarainya menewaskan pasukan-pasukan lain yang memberikan tentangan sengit sepanjang kejohanan.

Diharapkan lebih banyak kejohanan melibatkan staf dan pelajar dianjurkan bagi terus merapatkan silaturahmi antara semua di samping memeriahkan lagi suasana di PMBS.





KEGIATAN INSTITUSI


KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN PENERBITAN VIDEO SERTA TATACARA MUATNAIK BAHAN DIGITAL KE MEDIA SOSIAL (ZON SARAWAK) | 20-23 JUN 2022



Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM) PMBS telah menyertai kursus Peningkatan Kemahiran Penerbitan Video serta Tatacara Muatnaik Bahan Digital ke Media Sosial (Zon Sarawak) yang bertempat di Politeknik Kuching Sarawak pada 20- 23 Jun 2022. Bengkel ini telah dihadiri oleh Encik Muhamad Qastari Syamim bin Abdullah dan Encik Larnerdo French Udin. Video penghasilan dari kursus tersebut mendapat undian markah 61% oleh panel juri (tangga ketiga).

Video tersebut boleh ditonton melalui pautan Youtube dibawah:
<https://youtu.be/qR7NIBrcR-w>

WATCH VIDEO



LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN PROFESIONAL VIDEOGRAPHY TRAINING (EDU DIGITAL) | 28-30 JUN 2022

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital JPPKK telah menganjurkan Latihan Peningkatan Kemahiran Profesional Videography Training (Edu Digital) yang bertempat di Hotel Oriental Crystal, Kajang pada 28-30 Jun 2022. Encik Qastari Syamim dan Cik Aren Lah Kebing telah menghadiri Latihan tersebut, mewakili Unit Pembangunan Instruksional dan Multimedia (UIDM) PMBS. Penghasilan video oleh UIDM PMBS untuk latihan tersebut telah mendapat undian terbanyak oleh para peserta latihan tersebut sebagai video pilihan.

Video tersebut boleh ditonton melalui pautan Youtube yang disediakan:

<https://youtu.be/6KTWctlke9s>

<https://youtu.be/gWEwKq5VkyU>



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
MAYO BONG SAKAK

BENGKEL APLIKASI turnitin



18 JULAI 2022 (ISNIN)
10.00 PG - 12.00 TGH
GOOGLE MEET
<https://meet.google.com/ufo-udus-xu>

IMBAS KOD QR
UNTUK
PENDAFTARAN

PENCERAMAH:
DR. ANWAR BIN HAMID @ PA
TIMBALAN PENGARAH
PUSAT PENYELIDIKAN & INOVASI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

BENGKEL ADALAH PERCUMA
Terbuka kepada semua pensyarah PolyCC yang berminat

ANJURAN : UPIK DENGAN KERJASAMA ULPL PMBS
HUBUNGI: PN. AGNES (0193653261) / PN. EMIRUDZIAWATI (0168972612)



SEKITAR BENGKEL TURNITIN ANJURAN UPIK & ULPL PMBS | 18 JULAI 2022

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (UPIK) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) PMBS telah mengadakan Bengkel Aplikasi Turnitin pada 18 Julai 2022. Bengkel yang berlangsung selama dua jam tersebut di buat secara dalam talian menerusi pautan Google Meet. Bengkel ini telah dihadiri oleh 136 orang pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) seluruh Malaysia.


Tujuan penganjuran bengkel ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan para peserta tentang penggunaan aplikasi Turnitin untuk menyemak unsur plagiarisme di dalam penulisan atau kertas kajian agar dapat menghasilkan penulisan yang berkualiti dan berintegriti. Bengkel ini telah menjemput Dr. Anwar bin Hamid @ Pa iaitu Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai penceramah.

BENGKEL ENGLISH FOR WORKPLACE COMMUNICATION | 21 JULAI 2022

Jabatan Pengajian Am (Bahasa Inggeris), dengan kerjasama ULPL, telah mengadakan bengkel English for Workplace Communication pada 21/7/2022 untuk staf admin PMBS, pensyarah terpilih dan juga staf Kolej Komuniti Betong Sarawak.

Bengkel ini adalah bertujuan untuk mendorong penggunaan Bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian dan juga untuk berkomunikasi dengan klien-klien yang berkaitan. Terima kasih diucapkan kepada moderator/penceramah yang juga pensyarah dari Unit Pengajian Am PMBS; Encik Gregory Evan anak Nanson dan juga En Muhamad Qastari Syamim bin Abdullah dalam menjayakan bengkel ini.

Tidak lupa juga 2 penceramah utama dari Politeknik Port Dickson iaitu Puan Nurhayati binti Ghazali dan puan Susan S Magallanes atas kesudian untuk berkolaborasi bersama PMBS. Moga bengkel seperti ini boleh dilanjutkan lagi di masa hadapan demi kebaikan staf dan komuniti tempatan.





KURSUS ASAS TATARIAS WAJAH ANJURAN UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 28 JULAI 2022



Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PMBS dengan jayanya telah mengadakan Kursus Asas Tatarias Wajah pada 28 Julai 2022 di Bilik Keusahawanan, PMBS. Kursus ini merupakan salah satu program yang dirancang bagi memenuhi keperluan program pembelajaran sepanjang hayat di PMBS. Kursus ini melibatkan penyertaan daripada 26 orang ahli Puspanita PMBS.

Turut hadir adalah Pengerusi Puspanita PMBS iaitu Puan Suraia binti Abdul Kadir. Kursus yang diadakan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam asas tatarias wajah termasuk cara penjagaan muka sebelum mengenakan makeup agar lebih menarik dan berketerampilan sebagai seorang penjawat awam. Penceramah jemputan adalah Puan Nurul Aniqah binti Ahmad Zaidi, Puan Lydia Desmond Bangga, Puan Clarina Rehat dan Puan Afifah Bolhassan yang juga merupakan pensyarah Politeknik METRO Betong Sarawak.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KE-3 POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 29 JULAI 2022

Majlis perhimpunan bulanan ke-3 PMBS dilaksanakan pada 29 Julai 2022. Dalam majlis ini, Pengarah PMBS, Encik Suhaili bin Aleh telah berpesan kepada semua warga PMBS agar sentiasa memelihara persekitaran kerja yang positif dan fokus kepada keharmonian dan kesihatan jiwa serta minda.

Beliau juga turut menyeru agar semua berpegang teguh kepada ikrar Perkhidmatan Awam dalam menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan sebaik mungkin.

Ucapan tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah hari ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa yang telah bertungkus lumus melakukan persiapan bagi memastikan kelancaran majlis.



SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA PERINGKAT BETONG POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 13 OGOS 2022



Pada 13 Ogos 2022 telah berlangsungnya Hari Belia Negara Peringkat Betong yang telah diadakan di Politeknik Metro Betong Sarawak. Program ini merupakan program kolaborasi di antara Pejabat Belia dan Sukan Daerah Betong bersama-sama agensi-agensi kerajaan yang lain di daerah Betong. Sejumlah lebih kurang 400 orang peserta telah menghadiri program tersebut yang terdiri daripada belia di sekitar Betong.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Residen Betong, Encik Mahra Bin Salleh. Dalam ucapannya, beliau menyifatkan Hari Belia Negara merupakan pengiktirafan kerajaan terhadap segala usaha dan kejayaan seluruh belia yang merupakan tunjang dalam pembangunan negara serta keutuhan Keluarga Malaysia.

Tambah beliau lagi aspirasi dan pandangan belia adalah penting bagi kerajaan merangka hala tuju di masa hadapan. Apa yang dirancang hari ini, akan diwarisi oleh belia-belia Keluarga Malaysia generasi akan datang kerana 'Belia pencetus revolusi masa depan negara'. Hadir sama, Pegawai Daerah Betong, Pengarah Politeknik Metro Betong & Pengarah Kolej Komuniti Betong.



SAMBUTAN HARI MALAYSIA PMBS 2022 | 14 SEPTEMBER 2022



"Keluarga Malaysia: Teguh Bersama" merupakan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi tahun 2022 dan semuanya diterjemahkan menerusi sambutan Hari Malaysia peringkat institusi yang diraikan dalam suasana yang sungguh meriah dan bersemangat.

Bertempat di Dewan Sri METrO Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak, seramai kira-kira 200 orang termasuk kakitangan PMBS serta para pelajar telah berkumpul dan merasai sendiri kehangatan sambutan Hari Malaysia ini yang dianjurkan oleh barisan Majlis Perwakilan Pelajar PMBS.

Majlis turut menyaksikan gimik pelancaran penutupan Bulan Kemerdekaan 2022 yang disempurnakan oleh Timbalan Pengarah PMBS, Encik Mohd Shahrir Bin Ahmad Zaini, dan disaksikan oleh Puan Saptuyah Binti Marjiri, Ketua Jabatan Akademik, dan Puan Siti Syuhaila Binti Zahari, Ketua Jabatan Sokongan Akademik.

Sambutan Hari Malaysia PMBS ini diserikan dengan persembahan-persembahan yang menarik dan bersemangat patriotik seperti nyanyian lagu, sketsa pendek, serta persembahan kebudayaan daripada Kelab Seni Layar Betong. Selain itu, majlis menghargai usaha staf PMBS menerusi Anugerah Pekerja Bulanan dan Anugerah Penghasilan E-Buletin PMBS. Di samping itu juga, para pelajar turut dihargai dalam beberapa pertandingan ringkas yang dianjurkan oleh MPP PMBS seperti 'Jaguh Semester', 'Video Kemerdekaan', dan 'Sudut Kemerdekaan'.

Semoga warga PMBS terus bersatu padu dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.



KURSUS ASAS SABUN HOMEMADE ANJURAN UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 23 SEPTEMBER 2022

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik METRO Betong Sarawak telah mengadakan satu program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) iaitu kursus pendek bersama Kolej Komuniti Betong pada 23 September 2022. Kursus yang dianjurkan adalah Kursus Asas Sabun Homemade yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Kolej Komuniti Betong dan dihadiri oleh 20 orang peserta. Tenaga pengajar yang dijemput adalah Puan Mallinder Maoh dan dibantu oleh Puan Nurul Hidayah dan Puan Arelene Sharon.

Objektif kursus adalah untuk memberi pengetahuan kepada para peserta tentang asas pembuatan sabun, memberi peluang kepada para peserta untuk menjana pendapatan menerusi penjualan sabun yang dihasilkan setelah mempelajari kursus dianjurkan, membina jalinan dengan komuniti setempat serta meningkatkan penyertaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi tahun 2022.

Di akhir kursus, Pengarah PMBS iaitu Encik Suhaili bin Aleh telah menyampaikan sijil penghargaan kepada tenaga pengajar dan fasilitator yang membantu serta sijil penyertaan kepada para peserta.



Sambutan Bulan Akademia merupakan satu bentuk pengiktirafan negara bagi meraikan komitmen dan sumbangan para ahli akademik, khususnya di peringkat pendidikan tertiar.

Encik Suhaili bin Aleh, Pengarah PMBS menzahirkan rasa penghargaan beliau kepada seluruh Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang telah banyak menyumbang dan mengharumkan nama institusi.

Tidak lupa juga, tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Semoga ianya dapat menjadi pemangkin kepada PPPT untuk berusaha bersungguh-sungguh dan bersaing secara sihat dalam menggalas tugas sebagai pendidik.

SAMBUTAN MAJLIS PERASMIAN BULAN AKADEMIK PERINGKAT POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 5 OKTOBER 2022



Satu bengkel telah diadakan dari 6 - 7 Oktober 2022 yang dianjurkan oleh Unit Penilaian dan Peperiksaan dari Politeknik METro Betong Sarawak (PMBS) dan Politeknik Tawau Sabah (PTS) secara dalam talian kepada para pensyarah akademik di kedua-dua buah institusi.

Bengkel ini diadakan sebagai salah satu inisiatif institusi untuk membantu para pensyarah bagi menghasilkan item berkualiti untuk penilaian kerja kursus dan peperiksaan akhir politeknik. Selain itu, bengkel ini bertujuan memantapkan penggubalan item dan peraturan pemarkahan mengikut jadual spesifikasi item serta panduan pengurusan yang diberikan.

Penceramah yang dijemput adalah Pn. Nor Azimah binti Mustafar dan Pn. Siti Norshafinaz binti Mohd Noh yang merupakan pensyarah di Politeknik Ungku Omar dan merupakan Master Trainer yang berpengalaman dalam pembinaan item. Unit Penilaian dan Peperiksaan PMBS mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua para pensyarah yang telah memberikan komitmen yang baik semasa bengkel ini berlangsung.

BENGKEL PEMANTAPAN PENGETAHUAN PENSYARAH BERKAITAN PEMBINAAN ITEM PENILAIAN BERKUALITI DI BAWAH PROGRAM PENSYARAH RUJUKAN PENILAIAN ITEM PENILAIAN (PRIP) | 6-7 OKTOBER 2022



PERARAKAN MAULIDUR RASUL 1444H | 6-7 OKTOBER 2022

Bersempena kedatangan bulan Kelahiran Rasulullah, Pejabat Agama Islam Bahagian Betong telah menganjurkan perhimpunan dan perarakan sempena sambutan Maulidur Rasul Bahagian Betong Tahun 1444H/2022 pada 22 Oktober 2022. Politeknik METro Betong Sarawak (PMBS) telah menghantar satu kontinjen yang diberi nama "Syabab PMBS". Syabab PMBS terdiri daripada 10 orang pelajar dan 5 orang pensyarah.

Perarakan bermula pada pukul 7.30 pagi dari Kompleks Sukan Bahagian Betong menuju ke Dewan Sukan Tan Sri Datuk Amar Kalong Ningkan sejauh 2km ini diiringi hujan renyai-renyai membasahi tubuh para peserta. Namun semangat cintakan Rasulullah s.a.w tidak pernah padam apatah lagi mematahkan semangat kontinjen Syabab PMBS untuk menghabiskan perarakan sejauh 2 kilometer ini. Walaupun kontinjen Syabab PMBS tidak berada di dalam kedudukan tiga teratas bagi kategori C (IPTA dan sekolah), namun rata-rata peserta mempamerkan riak wajah yang gembira kerana ia merupakan perarakan Maulidur Rasul yang julung kalinya diadakan pasca pandemik Covid-19 dan kali ini sungguh bermakna kerana para pensyarah dan pelajar bergabung tenaga untuk menjayakan perarakan ini. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada kontinjen Syabab PMBS!!



KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN, INOVASI DAN PEMBANGUNAN BAKAT SARAWAK | 19 OKTOBER 2022

Satu kunjungan hormat ke pejabat Yang Berhormat Datuk Roland Sagah Wee Inn bertempat di Menara LCDA, The Isthmus off Jalan Bako, Kuching telah diadakan pada 19 Oktober 2022.

Kunjungan ke Pejabat Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak ini telah diwakili oleh Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (KUPIK), Politeknik METRo Betong Sarawak, Puan Emirudziawati binti Juni bersama Ketua Jabatan Sokongan Akademik PMBS, Puan Siti Syuhaila binti Zahari.

Dalam kunjungan tersebut, wakil PMBS sempat menerangkan berkenaan proses dan pelaksanaan program Borneo Innovation Festival 2022 secara menyeluruh yang telah berlangsung dengan jayanya pada awal bulan ini kepada Yang Berhormat Datuk Roland Sagah Wee Inn. Program ini juga telah diangkat dan disenaraikan dalam program sempena Bulan Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak 2022.



PAMERAN SEMPENA PROGRAM HARI KERJAYA DAN PENDIDIKAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH (PPD) BETONG | 20 OKTOBER 2022



PMBS telah menghadiri Pameran Sempena Program Hari Kerjaya Dan Pendidikan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Betong Tahun 2022 yang telah dianjurkan oleh PPD, Betong dengan kerjasama Yayasan Sarawak. Program telah berlangsung pada 20 Oktober 2022 di Dewan Sukan Tan Sri Datuk Stephen Kalong Ningkan, Betong dan dihadiri oleh beberapa agensi luar dan Sekolah Menengah di Bahagian Betong.

Promosi ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Team Polycc on Wheel (Politeknik dan Kolej Komuniti) Zon Sarawak ke Betong. Program Polycc on Wheel diadakan sempena proses pengambilan kemasukan ke Politeknik dan Kolej Komuniti yang dibuka mulai 2 Oktober 2022 - 2 Disember 2022.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) | 9-10 NOVEMBER 2022

Bertempat di Hotel Kuching Park, Kuching telah berlangsungnya Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) Bil. 2 2022 dan Majlis Menandatangani Nota Kolaborasi (CoC) yang dihadiri oleh rakan-rakan kolaborasi PMBS yang terdiri daripada pelbagai sektor. Mesyuarat turut dihadiri Ts. Mornizawati Binti Abdullah, Timbalan Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, mewakili Puan Yusma Yusof, Pengarah BKIK, JPPKK.

Seramai 7 wakil industri telah hadir dan mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datu Haji Abdul Hadi Bin Datuk Haji Abdul Kadir, Pengurus Besar Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) PMBS. Turut hadir Pengarah PMBS, Encik Suhaili Bin Aleh.

Antara industri yang turut bersama pada mesyuarat ini adalah;
En. Nikk Adam Bin Abdillah Kipalli dari SEDC
En. Praveen Lanang dari BSN Bank
En. Awang Haroln Bin Awang Putit dari CIMB Bank
En. Bong Chien Wee & En. Nazzel Maznor Bin Tohar dari AutoCount Sdn. Bhd
Pn. Mazpah Brahim mewakili Pn. Jane Lian Labang dari Sarawak Cultural Village (SCV)
Pn. Nurziana Binti Zulmadia mewakili En. Fadillah Bin Aliseman dari Fadillah Enterprise, Sarikei
Lt. Kol (PA) Raja Muhammad Alhakim Bin Raja Jaafar@Raja Yaakub & Mejar (PA) Wan Khairul Zakwan Bin Wan Tajuddin dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri Sarawak

Terdapat juga wakil-wakil industri yang lain yang tidak dapat menghadirkan diri diatas komitmen tugas masing-masing yang tidak dapat dielakkan seperti Pn. Sharzede Datu Haji Salleh Askor dari Sarawak Tourism Board (STB) selaku Timbalan Pengerusi Mesyuarat JPI PMBD, Khaimal Borneo Travel & Tours, Bank Rakyat, dan Borneo Happy Farm Sdn. Bhd.

Antara inti pati mesyuarat termasuklah pembentangan dan perkongsian mengenai pencapaian semasa Politeknik METrO Betong Sarawak secara menyeluruh bagi tahun semasa serta kejayaan yang diperolehi pelajar dan staf PMBS dalam pelbagai program/aktiviti yang disertai selain perbincangan dan input daripada para industri dalam menghangatkan lagi jaringan kolaborasi antara dua pihak serta mendapatkan penglibatan industri (Industry Engagement) bagi tujuan pendedahan terkini dalam bidang industri yang relevan kepada pelajar dan staf akademik di samping memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran malah dapat meningkatkan kualiti graduan.

Semoga usaha sebegini digiatkan lagi dan kerjasama antara PMBS dan pemain industri dapat mencapai tahap yang lebih tinggi lagi untuk kemajuan dan kejayaan yang menyeluruh.



KURSUS PENSIJILAN ORIENTEERING TAHAP 1 DAN TAHAP 2 PENSYARAH JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI | 9-11 NOVEMBER 2022

Seramai 15 peserta dari kalangan pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak dan Kolej Komuniti Betong dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah menjayakan kursus pensijilan ini.

Sekalung penghargaan buat Persatuan Orienteering Malaysia (PESOM) khusus buat Encik Aswadi Aslah, En Muhammad Faris Zayani Mat Jani dan Encik Muhammad Farhan atas tunjuk ajar yang diberikan sepanjang 3 hari berkursus ini.

Kemahiran yang diperoleh ini seiring dengan keperluan silibus bagi kursus DTO20044 Terrestrial Recreational Tourism.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN STAF POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 20 DISEMBER 2022

Sebagai melabuhkan tirai tahun 2022, PMBS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan Staf PMBS Bil. 4/2022 bertemakan sambutan Krismas pada 20 Disember 2022 (Selasa) di Sri METRO Gemilang PMBS. Majlis yang bermula pada jam 2:30 petang dan berakhir pada jam 4:30 petang itu dihadiri oleh semua staf PMBS dan diserikan dengan acara penyampaian anugerah kepada pemenang pingat emas, perak dan gangsa dalam Borneo Innovation Festival 2022 (BIF'22), pemenang Pertandingan Inovasi & Kreativiti EKSA 2022 dan Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang bagi Bulan September - Disember 2022.

Dalam ucapan aluannya, Encik Suhaili bin Aleh selaku Pengarah PMBS telah memberikan penekanan terhadap kefahaman mengenai setiap program dan inisiatif yang dilaksanakan tanpa mengira pangkat, skim ataupun tempat bekerja. Malah, semua staf mestilah memahami inisiatif yang dilaksanakan ke arah pencapaian KPI yang holistik. Beliau turut berharap agar semua staf PMBS saling hormat-menghormati, berkomunikasi dan mempunyai perasaan ikhlas untuk bekerja agar setiap perkara dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Kelangsungan majlis perhimpunan diteruskan dengan sambutan hari lahir staf pada bulan November - Disember melalui upacara pemotongan kek dan seterusnya acara "gift exchange" sebagai simbolik kepada tema Sambutan Krismas majlis perhimpunan kali ini.

Seluruh warga PMBS mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada staf yang meraikan dan Selamat Tahun Baru 2023.





PMBS & KOMUNITI

AKTIVITI PROMOSI UNIT HAL EHWAL PELAJAR (HEP) POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 2 JULAI 2022

Unit HEP PMBS telah dijemput untuk mengadakan aktiviti promosi sempena Mesyuarat Tahunan PIBG, Pelancaran PIBKS Dan Tabung Pembangunan Pendidikan SMK Spaoh pada 2 Julai 2022 (Sabtu) di SMK Spaoh.

Program ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Politik Premier Sarawak, Dr Richard Rapu. Penglibatan PMBS dalam program sebegini mampu memperkenalkan program pengajian di PMBS iaitu Diploma Kewangan dan Perbankan (DKB) dan Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) dan mengalakkan para anak muda untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.



SUMBANGAN HAND SANITIZER DARI PERSATUAN BULAN SABIT MERAH CAWANGAN BETONG DAN PERTUBUHAN AGAMA BUDDHA BETONG KEPADA POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 26 OGOS 2022

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Betong dan Pertubuhan Agama Buddha Betong diatas sumbangan *Hand Sanitizer* yang telah diserahkan kepada pihak PMBS.



POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) SERTAI PROGRAM PAMERAN PENDIDIKAN DI SJK (C) MIN SYN SARATOK | 27 OGOS 2022

Unit Hal Ehwal Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak telah turun padang bagi turut serta dalam Program Pameran Pendidikan sempena Hari Terbuka Pejabat Pendidikan Daerah Saratok di SJK (C) Min Syn Saratok.

Bertempat di dewan serbaguna SJK (C) Min Syn Saratok, PMBS diwakili En. Muhammad Afiq Fikri Bin Mohd Jafri dan seorang wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar PMBS, saudara Adzly Isma Danish Bin Adzimat.

Mereka telah bersama agensi-agensi dan institusi-institusi lain dalam mempromosikan produk masing-masing bagi menarik minat pelajar.

Semoga penglibatan aktif PMBS dalam program seperti ini dapat menggalakkan anak-anak muda untuk meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya berjaya dalam kehidupan mereka.



PROGRAM CELIK KEWANGAN BERSAMA PMBS | 12 OKTOBER 2022

Program Celik Kewangan Bersama PMBS telah diadakan pada 12 Oktober 2022 yang menghimpunkan 4 agensi luar yang menjadi nadi dalam masyarakat iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Baitulmal Sarawak. Selain itu program ini turut dimeriahkan lagi dengan peserta dari unit keusahawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Betong dan pelajar PMBS.



Objektif utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada komuniti setempat tentang kepentingan merancang kewangan sendiri dan keadah yang boleh dijalankan untuk mencapai objektif kewangan yang stabil dan bersesuaian.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta dan agensi yang terlibat dalam memeriahkan program ini



SUMBANGAN TABUNG BAITUMAL SARAWAK (TBS) MELALUI PEJABAT BAHAGIAN BETONG KEPADA UNIT PENGAJUAN AM, POLITEKNIK METRO BETONG DARAWAK (PMBS) | 24 NOVEMBER 2022



Pada 24 November 2022 telah berlangsung satu majlis penyerahan bantuan oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) melalui Pejabat Bahagian Betong kepada Unit Pengajian Am, PMBS. Sumbangan diberikan bagi membiayai program pengurusan jenazah yang telah berjaya dilaksanakan di PMBS.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Pengarah PMBS, Encik Shahrir bin Ahmad Zaini dan Ketua Unit Pengajian Am, Ustaz Muhammad Firdaus bin Mohd Ramlee. Pihak PMBS mengucapkan ribuan terima kasih kepada TBS atas sumbangan yang diberikan.

Semoga kerjasama erat antara kedua-dua pihak akan lebih kerap diadakan pada masa akan datang bagi memperkukuhkan lagi aktiviti kerohanian di PMBS dan dalam kalangan komuniti setempat.

PROGRAM DERMA DARAH ANJURAN PERSATUAN ALUMNI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK (PMBS) | 11 DISEMBER 2022

Bekalan darah kini amat diperlukan bagi menampung permintaan yang meningkat bagi kegunaan pesakit-pesakit kronik yang memerlukan pemindahan darah berulang, melihat kepada kekurangan bekalan darah masa kini, Persatuan Alumni Politeknik METRO Betong telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Derma Darah buat julung kalinya bertempat di Poly Pavilion, Politeknik METRO Betong Sarawak yang berlangsung selama sehari pada 11 Disember 2022 bermula jam 9.30 pagi.

Program ini melibatkan alumni, pelajar PMBS dan juga komuniti setempat. Program ini diadakan bagi memberikan kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan menderma darah yang boleh menyelamatkan nyawa, disamping menangani masalah kekurangan darah dalam tabung darah di hospital kerajaan. Di samping itu, untuk merapatkan hubungan antara alumni, pelajar dengan masyarakat di samping meningkatkan kesedaran taraf kesihatan negara serta memberi pengetahuan yang lebih jelas kepada masyarakat tentang kebaikan menderma darah.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Staf kesihatan dari Tabung Darah Hospital bahagian Betong diatas kerjasama yang diberikan bagi melancarkan program tersebut.

Dengan adanya program sebegini, diharap ianya dapat membantu golongan yang memerlukan dan memberi manfaat kepada bakal penerima darah.





ENSERA IBAN CHERITA TUPAI TANAH ENGGAU KESA

Udah meh Kesa nya tadi betemu enggau Beruang, iya pan lalu mupok begadai gadai ninggal ke alai nya. Sekumbang ke bejalai nya dia Kesa lalu betemu enggau Tupai Tanah. Tupai Tanah lalu beguai nanya Kesa meda gamal iya tak lain bendar. "Nama kebuah gamal nuan tak kesal dipeda aku deh Unggal ?" pia ko Tupai Tanah nanya Kesa.

"Kati ko enda baka nya deh, aku nyau berasai takut serta geli ninga Beruang tadi ngenang bala anak mensia deka manchit bansa kami tu ngena rachun, ngambi ke bansa kami tu panas," pia ko Kesa nyaut Tupai Tanah.

"Kada enda kita bansa Kesa udu bekachau ke utai bala anak mensia jangka aku, dini sida enda ka bebalas munas ngerachun bansa kita," pia ko Tupai Tanah.

Nyadi enda jauh ari alai Kesa ke berandau enggau Tupai Tanah nya bisi siti letong, lalu ba letong nya maioh bendar bala Nyamuk betelu serta diau dia besari sari nadai milih maia. Lalu benong Nyamuk ke betelu ba letong nya dia Lalat bisi datai nemuai ngagai iya. Semua utai ke di kerandau ke Tupai Tanah seduai Kesa nya tadi endang terang bendar didinga Nyamuk seduai Lalat. Seduai ke berandau pan nyau rindang diri lalu enda iboh ke Lalat seduai Nyamuk ke mending ke randau nya.

"Kami bansa Kesa amat bisi betiki ke rumah anak mensia tang kami semina nutu gula sida ke laboh ba sebelah meja enggau geladak bilik dapur aja. Suah ga kami tetemu ka sarang gula sida anak mensia ke enda ingat di tudong, kati ko kami enda nutu nya deh. Ukai kami tau ensium bau utai manis deh." pia ko Kesa.

"Dini kami ka disalah bala anak mensia, sida ke enda likun enggau utai empa diri, ukai salah kami ba utai ke baka tu. Bisi orang bukai ke jai agi pengawa ari kami enggau utai empa anak mensia, nyentok ke sida iya bira ba utai empa nya," pia ko Kesa nyindir Lalat. "Sapa orang ko nuan nya Unggal tak ngenyai nya ulah," pia ko Tupai Tanah laban ke tekenyit ninga berita nya.

"Sapa orang bukai enti enda Lalat ke jai agi ari aku. Sida ukai semina ka nutu aja tang lalu bira serta betelu ba utai empa anak mensia. Sida Lalat tu nadai milih utai alai bira enggau betelu, enti sida iya tetemu ka dagin enggau ikan, nya sida iya rindu bendar. Ukai semina bira enggau betelu dia tang udah nya lagi telu sida nya lalu mechah nyadi ulat. Nya kebuah anak mensia balat enggai meda gamal sida Lalat tu," pia ko Kesa madah ngagai Tupai Tanah.

"Amat jai ga bansa sida Lalat tu enti munyi ko nuan nya Unggal," pia ko Tupai Tanah.

"Tang enda naka nya Unggal, bisi orang bukai ke lebih agi jai ari Lalat tu," pia ko Kesa.





CHERITA TUPAI TANAH ENGGAU KESA

"Sapa nya deh Unggal tak bengat enggai bendar meda bala anak mensia nyamai diau," pia ko Tupai Tanah majak ka nemu sapa orang ke ko Kesa nya tadi.

"Sapa orang bukai Unggal enti enda Nyamuk. Sida iya semampai ke betelu ba sarang ai bala anak mensia. Telu sida nya tadi mechah lalu nyadi engketong tauka bisi ga orang ngumbai nya ulat bungkong. Nyau kepuas ke betelu sida pan enda naka nya tang lalu ka betutu serta nginsap darah ba tubuh anak mensia." pia ko Kesa nusoi ngagai Tupai Tanah.

"Patutlah bala anak mensia nama alai Nyamok ingap lalu beguai ka munoh betempik ke sida.. Maioh bendar bala anak mensia lesi bebadi laban kena sakit nyamuk kemaia tu hari dinga aku," pia ko tupai Tanah nimbal Kesa tadi.

"Suah aku meda anak mensia nyau getar getar nat kediri merinsa kena sakit chelap angkat laban kena empa Nyamuk," pia ko Kesa.

"Nya deh kebuah bala anak mensia nyau kiroh diri nyembur menua kitai tu ngena rachun asap, bepanchit ke parit serta enggau lupak lupak ai semak rumah sida, laban ka munas ke Nyamuk munyi ko nuan nya tadi Unggal," pia ko Tupai Tanah.

"Enda ngutok anak mensia deka munas ke semua Nyamuk laban sida tu tau ngasoh anak mensia mati laban penyakit ke di bai sida leboh maia sida iya nginsap darah anak mensia," pia ko Tupai Tanah nangkir jako iya tadi.

"Nya meh benong aku bejalai tadi maioh bendar buah nyiur anak mensia ba kebun sida sepiak tinting nyin, tang aku enda nyamai ati meda anak mensia tak nyau segau segau ngesan senapang patah jaga kebun nyiur sida nya," pia ko Kesa.

Serta ninga Kesa nyebut buah nyiur, dia Tupai Tanah tadi nyau nitik liur laban nya sigi pemakai iya. Tang iya enda berani mansang ngagai kebun nya ngambi buah nyiur anak mensia laban takut kediri empu enggai ke di timbak anak mensia enggau senapang patah. Kesa pan lalu mupok baru bejalai ninggal ke Tupai Tanah kediri.

Tembu nusoi cherita nya tadi dia Sebeginda Bujang lalu madah kediri lelak lalu deka ngetu beensera ka bala anak mit sida serumah di Pangau Libau Lendat Dibiau Takang Isang

"Numbas kitai beensera ke lemai tu Uchu," pia ko iya nganu sida ke ngelingi iya dia

Bala anemiak pan lalu beguai ensugau ari alai sida ke mending ke ensera lalu mulai kediri ngagai bilik diri empu.

Nota:

Cherita tu diambi enggau disalin ulih John Adam anak Gilbert Anyai maia taun 2009

Sumber : Gilbert Anyai (2009). Cherita Tupai Tanah Enggau Kesa. *EnseraEnggau Cherita Iban*. Dipetik daripada <http://enseraenggaucheritaiban.blogspot.com/>





Politeknik METRO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak



<https://www.pmbs.edu.my/v3/>



<https://www.facebook.com/PMBSEdu>



adminpmbs@pmbs.edu.my



[politeknikmetrobetong](#)



[PolyMETRO Betong Sarawak](#)



https://www.tiktok.com/@politeknikmetrobetong._



083-472676



083-472991

eISSN 2735-1793



9 772735 179009